

**Terma dan Syarat****DEFINISI**

Dalam Terma dan Syarat ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain atau jika ia dinyatakan secara nyata, ungkapan berikut mempunyai makna yang diberikan kepada mereka, iaitu,

**“AmMetLife”, “Kami”, “Syarikat”** merujuk kepada AmMetLife Insurance Berhad (197301002252) dan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam AmMetLife Insurance Berhad.

**“Kempen”** merujuk kepada “Kempen Pengguna i.Am Wealth Creator”

**“Produk”** merujuk kepada **i.Am Wealth Creator**.

**“Pelanggan”** merujuk kepada individu yang membeli Produk.

**“Ganjaran”** merujuk kepada Fon Kepala Tanpa Wayar Sony dan Apple Watch SE

**Tempoh Kempen**

1. Kempen ini sah dari **5 Ogos 2024 sehingga 31 Oktober 2024** (“Tempoh Kempen”).

**Kelayakan**

2. Kempen ini hanya terbuka kepada permohonan baharu Produk i.Am Wealth Creator yang memenuhi Terma dan Syarat yang ditermaktub selepas ini.
3. Polisi mesti berkuat kuasa dan premium mesti dibayar sehingga tarikh penebusan ganjaran. Jika terdapat sebarang premium tertunggak sebelum penebusan ganjaran, polisi tersebut akan terbatal daripada Kempen ini.
4. Premium mesti dibayar dalam mod pembayaran tahunan, setengah tahunan, atau suku tahunan sahaja.

**Tawaran Kempen**

5. Tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di bawah, semua Pelanggan akan diberi Ganjaran berdasarkan kriteria berikut:

Tahap	Premium Tahunan	Ganjaran
Tahap 1	RM15,000 ke RM19,999	Fon Kepala Tanpa Wayar Sony (bernilai RM499)
Tahap 2	RM20,000 ke atas	Apple Watch SE (bernilai RM1,199)

*Nota: Nilai ganjaran yang dinyatakan di atas adalah berdasarkan tarikh 1 Julai 2024.*

Semua Pelanggan layak untuk menerima satu (1) Ganjaran dengan syarat:

- i. Borang (-borang) cadangan yang lengkap dan pembayaran diterima dalam Tempoh Kempen selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2024 dan seterusnya diluluskan oleh AmMetLife sebelum 15 November 2024; dan
  - ii. Polisi(-polisi) dikeluarkan melepas 15 hari tempoh bertengang.
6. Setiap polisi baharu yang diluluskan oleh AmMetLife hanya layak untuk satu (1) Ganjaran. Pelanggan boleh membeli pelbagai polisi, namun setiap Diri yang Diinsuranskan hanya layak menerima maksimum satu (1) Ganjaran sahaja dimana dengan nilai tertinggi.

**AmMetLife Insurance Berhad (197301002252)**

Head Office : Level 24, Menara 1 Sentrum, No. 201, Jalan Tun Sambanthan, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia  
📞 +603 2271 8000 🌐 ammetlife.com

Postal Address : GPO Box 10956, 50730 Kuala Lumpur

Customer Care: 📞 1300 88 8800 📩 +603 2272 3226 🎤 customercare@ammetlife.com



7. Tawaran kempen tidak sah digabungkan dengan mana-mana tawaran/promosi lain yang sedang berlangsung.
  8. AmMetLife berhak untuk menuntut semula Ganjaran, menolak jumlah yang bersamaan dengan Ganjaran daripada bayaran balik Premium, atau meminta Pelanggan untuk memulangkan atau memberi pampasan kepada AmMetLife nilai Ganjaran jika Pelanggan membatalkan polisi/polisi mereka dengan AmMetLife.
  9. Penebusan Ganjaran akan dilakukan selepas penyelesaian premium tahun pertama tertakluk kepada mod pembayaran yang dinyatakan di bawah:
    - a) Mod pembayaran tahunan: Ganjaran akan dihantar ke alamat surat-menyerat Pelanggan sebelum 31 Januari 2025.
    - b) Mod pembayaran suku tahunan dan setengah tahunan: Ganjaran akan dihantar ke alamat surat-menyerat Pelanggan sebelum 31 Disember 2025.
- Pemberitahuan SMS akan dihantar kepada Pelanggan mengikut Garis Masa penebusan yang dinyatakan di atas mengenai penghantaran Ganjaran ke alamat surat-menyerat Pelanggan.
10. Pelanggan dikehendaki memberikan alamat surat-menyerat dan butiran hubungan yang tepat seperti yang dinyatakan dalam borang cadangan. Pelanggan juga bersetuju bahawa penebusan Ganjaran oleh AmMetLife ke alamat surat-menyerat Pelanggan yang diberikan dalam borang cadangan akan dianggap sebagai penebusan yang lengkap, dan AmMetLife akan dilepaskan dan dibebaskan sepenuhnya daripada sebarang tanggungjawab atau kewajipan lanjut berkaitan dengan penebusan Ganjaran.
  11. Sebarang permintaan untuk memindahkan Ganjaran kepada pihak ketiga tidak akan dilayan.
  12. AmMetLife berhak untuk menggantikan Ganjaran dengan yang bernilai sama mengikut budi bicara mutlaknya tanpa notis terlebih dahulu.
  13. AmMetLife berhak untuk menggantikan Ganjaran dengan yang bernilai sama mengikut budi bicara mutlaknya tanpa notis terlebih dahulu.
  14. AmMetLife mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan secara khusus di sini, secara keseluruhan atau dalam mana-mana bahagian dari semasa ke semasa termasuk untuk mengubah Tempoh Kempen sebagaimana yang difikirkannya perlu dan sesuai dengan notis melalui laman web atau notis rasmi AmMetLife di cawangan AmMetLife.
  15. AmMetLife mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan, yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang salah laku, penipuan atau perbuatan salah berkaitan Kempen ini dan/atau terhadap AmMetLife, daripada menerima Ganjaran. Keputusan AmMetLife adalah muktamad dan AmMetLife tidak akan melayan sebarang permintaan untuk menyemak semula kes yang hilang kelayakan.
  16. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan dan/atau mana-mana pihak yang berkaitan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan bersetuju serta membenarkan data peribadi Pelanggan dikumpul, diproses dan digunakan oleh AmMetLife selaras dengan Notis Privasi AmMetLife yang boleh didapati di laman web rasmi AmMetLife di [www.ammetlife.com/privacy-policy/](http://www.ammetlife.com/privacy-policy/).
  17. AmMetLife tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa keingkaran yang berkaitan dengan Kempen ini atas sebab-sebab sebarang tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, mogok, penguncian, tindakan perindustrian, api, banjir, kemarau, ribut, wabak virus, kegagalan teknikal atau sistem atau apa-apa peristiwa di luar kawalan AmMetLife yang munasabah.
  18. Terma dan Syarat ini tertakluk kepada dan digubal di bawah undang-undang Malaysia.
  19. Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas yang berkaitan dengan Kempen, Pelanggan boleh merujuk kepada wakil jualan bank kami atau pergi ke cawangan AmMetLife terdekat atau bercakap dengan Khidmat Pelanggan kami di 1300 88 8800 atau email kami di [customercare@ammetlife.com](mailto:customercare@ammetlife.com).

**AmMetLife Insurance Berhad (197301002252)**

**Head Office :** Level 24, Menara 1 Sentrum, No. 201, Jalan Tun Sambanthan, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia



+603 2271 8000

[ammetlife.com](http://ammetlife.com)

**Postal Address :** GPO Box 10956, 50730 Kuala Lumpur

**Customer Care:** 1300 88 8800

+603 2272 3226

[customercare@ammetlife.com](mailto:customercare@ammetlife.com)